

Manuscript Received Date: 13 August 2018  
Manuscript Accepted Date: 12 November 2018  
DOI: <https://doi.org/10.33102/ulum.2018.25.02>

**Penyelesaian Kes Faraid Berangkai Melalui Pendekatan *Al-Munasakhah*:  
Tumpuan Kes Faraid Dalam Mazhab Syafie**  
[Settlement of The Successive Deaths Through Approach of *Al-Munasakhah*:  
A Focus on *Faraid* Cases in Shafii Sect]

**Zahari Mahad Musa**

Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang  
Universiti Sains Islam Malaysia  
zahari@usim.edu.my

**Abstrak**

Kemelut pengurusan keluarga dalam menyelesaikan harta pusaka semakin kritikal dan boleh mencapai tahap membimbangkan jika tidak ditangani dengan baik. Kes faraid berangkai merupakan sebahagian kondisi yang kompleks dan sukar untuk ditadbir kerana membabitkan kematian berlapis daripada kalangan waris yang berhak. Rangkaian beberapa kematian dalam sesebuah keluarga yang mempunyai hubungan pewarisan merupakan sebahagian implikasi sekiranya harta pusaka si mati yang pertama tidak ditangguhkan penyelesaiannya. Dalam hal ini, perundangan *fiqh al-mirath* menetapkan pendekatan *al-munasakhah* sebagai satu formula faraid yang lengkap untuk memberi hak kepada mereka yang berhak. Pendekatan *al-munasakhah* ini merupakan satu saranan penting dalam melengkapkan bentuk agihan faraid yang melibatkan kes faraid berangkai. Makalah ini bertujuan menerangkan kepelbagaian kes faraid berangkai yang berlaku disebabkan kematian individu yang mempunyai hubungan pewarisan dan pendekatan *al-munasakhah* yang digunakan dalam menyelesaikan kes-kes tersebut. Tumpuan akan diberikan kepada kes faraid berangkai dan bentuk penyelesaian melalui pendekatan *al-munasakhah* menurut perspektif mazhab Syafie iaitu berdasarkan rekod dan dokumentasi karya *fiqh* terpilih mazhab tersebut. Huraian ini memperlihatkan kepentingan pengiraan *al-munasakhah* ialah sebagai satu bentuk pengiraan dan penyelesai kepada konflik kes faraid berangkai dengan menentukan agihan yang tepat kepada waris yang masih hidup. Hal ini kerana, semakin ramai waris akan menyebabkan kesukaran semakin bertambah untuk menyelesaikan sesuatu kes harta pusaka. Selain itu, pendekatan ini memperlihatkan sebahagian bukti kesyumuluan perundangan pusaka dalam Islam iaitu harta pusaka perlu diselesaikan agihannya hingga selesai, tidak dibiarkan beku dan terbiar tanpa dimanfaatkan.

Kata kunci: Faraid, Kes Berangkai, Pendekatan *al-Munasakhah*.

**Abstract**

Family management conflict in resolving the estate becoming increasingly critical and can achieve a level of concern if not addressed properly. A case of successive deaths in *faraid* is part of a complex and

difficult conditions for the governed because it involves the death of layered beneficiaries. A network of death in a family inheritance is part of the implications if the first deceased's estate is not postponed for solutions. In this regard, *fiqh al-mirath* (Islamic law of inheritance) has set the approach of *al-munasakhah* as a formula for those who are entitled. The approach of *al-munasakhah* is an important recommendation in the completion of distribution of inheritance involving cases of successive deaths. This article aims to explain the diversity of successive deaths in *faraid* and approach of *al-munasakhah* used in resolving such cases. Focus will be given to cases solution through al-Shafii sect according to the perspective that is based on the records and documentation works in selected references. This description shows the interest of *al-munasakhah* is as a form of calculation and settlement to a conflict case faraid distribution to the heirs. This is due to fact that more beneficiaries will increase the difficulty in solving *faraid* cases. In addition, this approach proved the comprehensiveness of the law of inheritance in Islam where estates need to be solved and not to be left idle and frozen without benefit.

Keywords: Inheritance, successive deaths, approach of *al-Munasakhah*.

### Pendahuluan

Dalam pengurusan faraid berkemungkinan hanya melibatkan satu kematian sahaja. Oleh yang demikian, formula faraid yang ditetapkan berdasarkan wahyu Ilahi dapat dilaksanakan dengan mudah, cepat dan tersusun dalam sesuatu kes selapis. Akan tetapi, dalam sesetengah situasi yang lain terdapat beberapa kematian individu yang saling mewarisi sedangkan pusaka untuk kematian yang terdahulu masih belum diagihkan dengan sempurna. Situasi ini menyebabkan kes faraid akan menjadi berangkai rentetan kematian bertindih atau berlapis.

Dua faktor utama berlakunya kes faraid berangkai ialah pertama; tempoh kematian yang hampir antara si mati pertama dengan si mati kedua atau yang berikutnya. Hal ini mempunyai pertautan yang rapat dengan kedangkalan manusia tentang perkara-perkara kematian sebelum ini iaitu bila, di mana dan bagaimana kematian itu berlaku. Kedua; kelewatan agihan pusaka si mati pertama sehingga sukar untuk diselesaikan dalam tempoh masa yang singkat. Faktor kedua pula berpunca atas pelbagai sebab seperti pentadbiran pusaka yang lemah, kejahilan pihak waris dalam pembahagian pusaka atau wujudnya kes-kes terpencil yang melibatkan

tempoh menunggu sebagai contoh kes melibatkan waris janin dan orang yang hilang (*mafqud*).

Saranan yang ditetapkan dalam ilmu faraid ialah melalui satu pendekatan yang dikenali dengan *al-munasakhah*. Realiti memahami pendekatan *al-munasakhah* sebagai satu perbincangan faraid yang rumit pernah dinyatakan oleh Ibrāhīm ibn °Abdillah (t.th: 1/198) melalui pandangannya:

فإن أعمال المناسخة من أرفع أبواب الفقه قدرا، وأشهرها بين الأنام ذكرا، وأغمضها مسلكا، وأدقها سرا، فوجب صرف الهمة لفتح مغلقها، وإيضاح مشكلاتها، وإمعان النظر في تهذيب طرقها، وحل معضلاتها.

Terjemahannya: Sesungguhnya gerak kerja *al-munasakhah* merupakan antara perbincangan peringkat tinggi dalam faraid, perbincangan yang sangat popular dikalangan insan, kaedah yang sangat merumitkan dan rahsia yang sangat memerlukan penelitian. Maka sewajibnya mempunyai keazaman yang jitu untuk membuka halangannya (perbincangan *al-munasakhah*), menerangkan kesusahannya, melakukan penelitian dalam memurnikan kaedahnya dan menyelesaikan setiap konfliknya.

### Situasi Kes Faraid Berangkai

Kes faraid berangkai adalah kes-kes pusaka yang melibatkan lebih daripada satu kematian. Pengklasifikasian kes faraid berangkai adalah berbeza-beza melihat kepada pertambahan waris-

waris baharu dan cara agihannya. Terdapat tiga situasi utama melibatkan kes-kes faraid berangkai yang memerlukan pendekatan *al-munasakhah*.

Tiga situasi tersebut adalah (Al-Dusuqiyy, t.thn: 4/480, Al-Sābūniyy, 1413H/1993M: 160):

- i. Situasi waris si mati kedua adalah mereka yang menjadi waris si mati pertama. Dalam keadaan ini, tiada perubahan dalam bilangan waris dan cara pewarisan mereka juga tidak berubah. Dua syarat bagi kategori ini ialah:
  - a. Waris-waris si mati kedua dan seterusnya merupakan waris-waris si mati pertama.
  - b. Tidak wujud perbezaan dalam pewarisan iaitu waris-waris si mati kedua memperolehi bahagian faraid yang sama daripada si mati pertama.

Sebagai contoh, seorang lelaki mati meninggalkan lima orang anak lelaki, kemudian salah seorang daripada mereka mati dan meninggalkan saudara-saudaranya yang lain dan tiada waris selain mereka.

- ii. Situasi waris si mati kedua juga merupakan waris si mati pertama dengan beberapa perbezaan hubungan sama ada wujud waris lain bagi si mati kedua atau pun tidak. Contohnya, seorang lelaki mempunyai dua orang isteri dengan zuriat daripada isteri pertama ialah seorang anak lelaki dan tiga orang anak perempuan daripada isteri kedua. Setelah lelaki tersebut meninggal dunia, salah seorang anak perempuan beliau turut meninggal dunia sebelum pembahagian dapat dilakukan.

Dalam situasi ini, tiada berlaku pertambahan waris antara si mati pertama dan kedua. Namun kedudukan perhubungan atau susur galur keluarga dengan si mati adalah berbeza. Anak lelaki bagi si mati pertama telah mengubah kedudukannya sebagai saudara lelaki sebapa kepada si

mati kedua. Manakala anak-anak perempuan si mati pertama yang masih hidup menjadi waris saudara perempuan seibu sebapa bagi si mati kedua.

- iii. Situasi waris si mati kedua dan pertama adalah berbeza iaitu berlaku pertambahan waris yang mempunyai hubungan dengan si mati kedua atau sebahagian waris mewarisi daripada kedua-dua hubungan iaitu si mati pertama dan kedua. Syarat-syarat utama bagi situasi kes ini ialah:
  - a. Si mati kedua atau seterusnya merupakan waris kepada si mati pertama.
  - b. Si mati kedua atau seterusnya hendaklah mewarisi pusaka daripada si mati pertama.
  - c. Bilangan si mati hendaklah melebihi daripada dua orang.
  - d. Waris-waris setiap si mati kedua dan seterusnya adalah berbeza iaitu tidak memperolehi pusaka antara satu dengan yang lain.

Sebagai contoh, seorang perempuan meninggal dunia dan meninggalkan waris iaitu suami, ibu, bapa dan dua orang anak perempuan. Kemudian suami perempuan tersebut turut meninggal dunia dan meninggalkan waris iaitu saudara perempuan seibu sebapa, ibu, isteri dan saudara lelaki seibu. Dalam situasi ini, berlaku pertambahan waris antara si mati pertama dan kedua. Waris-waris juga berbeza antara satu dengan yang lain. Mereka semua hanya berhubung dengan si mati kedua iaitu suami.

### **Pendekatan *Al-Munasakhah* Dalam Menyelesaikan Kes Faraid Berangkai**

Ijtihad dalam menyelesaikan sesuatu kes faraid berangkai sentiasa berterusan kepada semua yang mempelajari disiplin ilmu faraid. Kemahiran yang jitu dalam matematik sangat

diperlukan seiring dengan keunikan faraid itu sendiri iaitu satu disiplin ilmu yang membincangkan agihan pusaka si mati dari sudut fiqh dan pengiraan. Dalam hal ini, Al-

Sharahiliyy (1431H: 3/74) merekodkan sebanyak sepuluh kaedah dalam pendekatan *al-munasakhah* iaitu; 1) *Al-Tariq al-‘Amm* (Kaedah umum), 2) *Tariq al-Basriyyin* (Kaedah Ahli Basrah), 3) *Tariq al-Kufiyyin*, 4) *Tariq al-Hall*, 5) *Tariq Muhammad ibn al-Hasan*, 6) *Tariq al-Shahrazuriyy*, 7) *Tariq al-Muwaththiqin*, 8) *Tariq al-Qabt*, 9) *Tariq ‘Aliyy al-Manzalawiyy wa Shaykh al-Shanshuriyy* dan 10) *Tariq al-Shubbak*.

Manakala ‘Abd al-Rahim ibn Ibrahim (t.thn) mengemukakan dua kaedah penyelesaian *al-munasakhah* dalam menyelesaikan kes faraid berangkai iaitu *Tariqat al-‘A‘dad* (angka) dan *Tariqat al-Kusur* (pecahan). Penulis berpendapat semua kaedah yang dikemukakan oleh ilmuan faraid sebelum adalah sebahagian penemuan dalam memudahkan pengiraan sesuatu kes faraid berangkai. Penulisan yang lebih terperinci dan ilmiah adalah sangat penting bagi merungkai kesukaran dalam menyelesaikan sesuatu kes faraid berangkai.

Perkataan *al-munasakhah* merupakan daripada Bahasa Arab yang berasal daripada perkataan *nasakh* yang bermaksud memindahkan, menyalin dan menghilangkan. Dari sudut istilah pula, *nasakh* bermaksud mengangkat (meninggalkan) sesuatu hukum dengan mensabitkan hukum lain yang baharu (Sabt al-Mardiniyy. 1414H/1994M: 137). Terma *al-munasakhah* menurut istilah faraid pula ialah memindahkan satu persatu bahagian pusaka kepada waris yang mewarisinya akibat kematian terdahulu belum dapat dilakukan. Menurut Al-Musiliyy (1356H/1937M: 5/117) *al-munasakhah* ialah mati salah seorang waris sebelum agihan pusaka (pewaris sebelumnya). Manakala Al-Juwayniyy (1428H/2007M: 9/298) menerangkan bahawa *al-munasakhah* ialah apabila berlaku kematian seseorang dan sebelum harta peninggalannya dapat dibahagi-bahagikan terdapat seorang atau beberapa waris lain yang turut meninggal dunia.

Berdasarkan definisi yang diterangkan, dapat dinyatakan bahawa *al-munasakhah* adalah sebahagian penyelesaian agihan faraid dengan penentuan *al-tashih* (penyelarasan pecahan) antara beberapa kes yang berlaku. Ia melibatkan beberapa perkara:

1. Harta pusaka si mati pertama atau yang meninggal dunia lebih awal belum diagihkan kepada setiap waris.
2. Terdapatnya lebih daripada satu kematian yang melibatkan waris bagi si mati pertama. Keadaan kematian ini boleh berlaku di pelbagai peringkat waris sama ada generasi waris pertama, kedua, ketiga atau pada beberapa lapis kemudiannya.
3. Berlakunya pemindahan bahagian pusaka antara waris si mati pertama dengan waris si mati kedua.
4. Penentuan bahagian-bahagian yang baharu kepada waris akhir bagi setiap kematian.

Melalui pendekatan *al-munasakhah*, kemaslahatan setiap waris dapat dipelihara untuk mendapat bahagian masing-masing daripada harta pusaka si mati. Kelebihan ini dapat dilihat dalam membantu pihak yang terlibat secara langsung dalam urusan agihan faraid. Dalam sesetengah keadaan, bicara pusaka memakan tempoh masa yang lama kesan urusan pentadbiran pusaka. Sebagai contoh amalan yang berlaku di Malaysia, proses tuntutan harta pusaka kecil di Pejabat Tanah (Kerajaan Negeri) mengambil masa 5½ bulan bagi kes-kes yang tidak bermasalah (Jabatan Bantuan Guaman. 2013). Semasa menunggu panggilan bicara pusaka atau keputusannya, berlaku pula kematian waris-waris yang sepatutnya menerima pusaka si mati pertama. Realiti tempoh kematian antara waris yang sangat dekat tidak boleh dinafikan kerana sebagai Muslim harus akur dengan ketentuan Ilahi dan mereka dangkal dengan perkara berkaitan ajal. Hal ini seiring dengan firman Allah SWT:

أَيُّمَا تَكُونُوا يُدْرِكْكُمُ الْمَوْتُ وَلَوْ كُنْتُمْ فِي بُرُوجٍ مُّسْتَبَدَّةٍ

Terjemahan: Di mana jua kamu berada, maut akan mendapatkan kamu (bila sampai ajal), sekalipun kamu berada dalam benteng-benteng yang tinggi lagi kukuh (Al-Qur’an. Surah al-Nisa’ (4): 78)

Oleh yang demikian, pendekatan *al-munasakhah* akan menjadi alternatif pengiraan agihan pusaka bagi kes kematian berikutnya.

Selain daripada itu, kepentingan yang terdapat dalam pendekatan *al-munasakhah* ialah dapat mengelakkan konflik dalam pengiraan kes-kes faraid yang melibatkan lebih daripada satu kematian. Hal ini adalah seiring dengan peranan dan fungsi pensyariaan hukum faraid itu sendiri yang menjadi pentadbiran keadilan dan perdamaian. Rasulullah SAW bersabda:

تَعَلَّمُوا الْفَرَائِضَ وَعَلِّمُوهُ النَّاسَ فَإِنِّي أَمْرٌ مَقْبُوضٌ وَأَنَّ الْعِلْمَ سَيُفِيضُ حَتَّى يَخْتَلِفَ الْإِثْنَانِ فِي الْفَرِيضَةِ لَا يَجِدَانِ أَحَدًا يَفْصِلُ بَيْنَهُمَا

Terjemahan: Belajarlah ilmu faraid dan ajarkanlah kepada manusia kerana sesungguhnya aku ini manusia biasa yang pasti mati. Ilmu faraid juga akan diangkat (hilang) sehingga menjadikan dua orang akan berselisih dalam membahagikan harta pusaka, dan kedua-dua mereka itu tidak akan mendapat seorang pun

untuk menyelesaikannya antara mereka berdua. (Al-Hākim, Muhammad ibn ʿAbdillah. *Al-Mustadrak ʿAla al-Sahīhayn*. Kitab al-Faraʿid. Bab: Taʿallamu al-faraʿid. #8021)

Asas penyelesaian kes faraid berangkai melalui pendekatan *al-munasakhah* adalah bergantung kepada tiga situasi sebelum ini. Penyelesaian untuk situasi pertama adalah lebih mudah iaitu sekadar menentukan waris yang masih hidup tanpa mengambil kira waris-waris si mati kedua. Manakala penyelesaian untuk situasi kedua dan ketiga ialah dengan melakukan penyelarasan pecahan (*tashih*) bagi mendapatkan asal masalah baharu yang dikenali dengan *al-jamiʿah* (nilai penyama) yang dapat menyatukan kes-kes faraid berangkai. Hasil penelitian kajian mendapati pendekatan *al-munasakhah* dapat ditunjukkan melalui satu carta alir untuk pendekatan *al-munasakhah* seperti rajah (1).

### Tumpuan Kes Faraid Berangkai Dan Pendekatan *Al-Munasakhah* Dalam Mazhab Syafie


Pemikiran mazhab Syafie disandarkan kepada Imam Syafie iaitu Muhammad ibn Idris ibn Al-ʿAbbas ibn ʿUthman ibn Shafiʿiyy (150H-240H). Imam Syafie merupakan cendekiawan Islam yang menggunakan penulisan sebagai medium penerangan sesuatu hukum. Pandangan dan pemikiran fiqh Imam Syafie terserlah dalam karya beliau berjudul *al-Umm*. Pendekatan ini turut diikuti oleh setiap anak murid beliau dalam menyampaikan hukum syarak. Tidak hairanlah karya-karya dalam mazhab Syafie sangat banyak sama ada berbentuk *mutun*, *shuruh* dan *hawashiyy*. Kesemua anak murid beliau sangat berperanan dalam membawa pemikiran Imam Syafie sama ada berbentuk ijtihad lama (*al-qawl ql-qadim*) atau baharu (*al-qawl al-jadid*).

Antara karya-karya terawal yang menjadi pegangan dalam mazhab Syafie ialah kitab *Mukhtasar al-Muzaniyy* oleh Al-Muzaniyy, Ismaʿil ibn Yahya (wafat 264H), kitab *al-Muhadhdhab* dan kitab *al-Tambih* oleh Al-Shiraziyy, Ibrahim ibn ʿAliyy (wafat 476H) dan kitab *Nihayat al-Matlab fi Dirayat al-Madhdhab* oleh Al-Juwayniyy, ʿAbd al-Malik ibn ʿAbdillah (wafat 478H). Generasi mujtahid mazhab selepas itu akan meringkaskan, menerangkan atau

menambah komentar karya-karya sebelum ini mengikut pendekatan masing-masing. Hal ini menunjukkan satu pertautan yang rapat antara kesemua karya-karya dalam mazhab Syafie. Sebagai contoh, Imam Al-Ghazaliyy mempunyai tiga kitab rangkaian fiqh iaitu *al-Basit*, *al-Wasit* dan *al-Wajiz*. Kitab *al-Basit* merupakan ringkasan kepada kitab *Nihayat al-Matlab*. Manakala kitab *al-Wasit* adalah ringkasan kepada kitab *al-Basit* dan kitab *al-Wajiz* pula adalah ringkasan kepada kitab *al-Wasit* (Ismaʿil Salim ʿAbd al-ʿAl. 1412H/1992M: 136).

Tiga karya terpilih dalam mazhab Syafie untuk tujuan kajian ini dan dokumentasi kes faraid berangkai ialah kitab *Al-Wasit fi al-Madhdhab* oleh Al-Ghazaliyy, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad (wafat 505H) disimbolkan dengan huruf [G], kitab *Al-Tahdhib fi fiqh al-Madhdhab al-Shafiʿiyy* oleh Al-Baghawiyy, Abu Muhammad Al-Husayn ibn Masʿud (wafat 510H) disimbolkan dengan huruf [B] dan kitab *Nihayat al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj* oleh Shihab al-Din al-Ramliyy, Muhammad ibn Ahmad (wafat 1004H) disimbolkan dengan huruf [R].

**Rajah 1: Carta Alir Pendekatan *al-Munasakhah***



Hasil kajian mendapati, terdapat 14 kes faraid berangkai yang direkodkan dalam tiga karya tersebut. Kesemua kes mewakili ketiga-tiga situasi sebelum ini. Satu daripada kes tersebut terdapat dalam dua karya iaitu kitab *Al-Tahdhib fi fiqh al-Madhab al-Shafi'iyy* oleh Al-Baghawiy dan kitab *Nihayat al-Muhtaj ila*

*Sharh al-Minhaj* oleh Shihab al-Din al-Ramliyy. Hampir semua kes mencatatkan dua kematian dalam waris yang memperolehi pusaka. Hanya satu kes yang direkodkan untuk tiga dan empat kematian. Ringkasan analisis kes faraid berangkai dalam karya terpilih mazhab Syafie adalah seperti jadual (1).

Jadual (1): Kes Faraid Berangkai dalam Karya Mazhab Syafie Terpilih

Kategori Situasi	Bilangan Kes			Kematian dalam satu kes	Bilangan Kes		
	G	B	R		G	B	R
Situasi I	1	1	0	2 kematian	4	4	4
Situasi II	0	2	2	3 kematian	1	0	0
Situasi III	5	1	2	4 kematian	1	0	0
Jumlah	6	4	4	Jumlah	6	4	4
Keseluruhan	14			Keseluruhan	14		

Contoh pendekatan *al-munasakhah* bagi situasi I ialah seorang lelaki meninggal dunia dan meninggalkan waris iaitu tiga orang anak lelaki dan seorang anak perempuan. Sebelum agihan pusaka selesai, salah seorang daripada anak lelaki tersebut meninggal dunia (Al-Baghawiyy. 1418H/1997M: 5/48). Dalam masalah ini, tiada perubahan dalam bilangan waris dan cara pewarisan mereka juga tidak berubah. Pembahagian diagihkan antara saudara-saudara lelaki dan saudara perempuan si mati kedua.

Maka pusaka hanya melibatkan dua orang anak lelaki dan seorang anak perempuan si mati pertama. Hal ini seolah-olah si mati pertama hanya mempunyai dua orang anak lelaki dan seorang anak perempuan sahaja. Kesemua waris memperolehi faraid secara *‘asabah bi al-ghayr* iaitu lelaki mendapat dua bahagian dan perempuan mendapat satu bahagian. Perincian penyelesaian *al-munasakhah* ini adalah seperti jadual (2).

Jadual 2: Kes *al-Munasakhah* (i) Mazhab Syafie

Waris-waris	Penyelesaian <i>Farā'id</i>	
	Kadar <i>fardu</i>	Saham
Anak lelaki (i)	<i>‘asabah bi al-ghayr</i>	2/5
Anak lelaki (ii)		2/5
Anak lelaki (iii) meninggal dunia (si mati kedua)		-
Anak perempuan		1/5
Jumlah		5/5

Bagi penyelesaian situasi II pula ialah kes seorang perempuan meninggal dunia dan meninggalkan waris iaitu suami dan dua orang anak lelaki yang mana suami tersebut bukan bapa kepada anak-anak lelaki tersebut. Sebelum agihan pusaka selesai, salah seorang daripada anak lelaki tersebut meninggal dunia dan meninggalkan waris iaitu seorang saudara lelaki yang mana anak lelaki dalam kes pertama (Shihab al-Din al-Ramliyy. 1404H/1984M: 6/39). Dalam kes ini, waris-warisan tersebut adalah waris yang sama dengan si mati pertama tetapi perhubungan atau susun galur keluarga dengan si mati adalah berbeza. Asal masalah bagi kes kematian pertama ialah empat bahagian. Suami mendapat 1/4 dan anak-anak lelaki mendapat

faraid secara *‘asabah bi al-nafs* iaitu 3/4. Asal masalah bagi kes kematian kedua pula ialah satu bahagian. Saudara lelaki mendapat faraid secara *‘asabah bi al-nafs*. Manakala suami tidak mendapat apa-apa bahagian kerana bukan waris kepada si mati kedua.

Oleh itu, bahagian yang diwarisi oleh si mati kedua diberikan terus kepada saudara lelaki dan menganggap seolah-olah si mati pertama hanya mempunyai seorang anak lelaki. Asal masalah kes pertama iaitu 4 bahagian dikekalkan untuk menjadi nilai penyama (*al-jami‘ah*) bagi kedua-dua kes. Maka suami mendapat 1/4 dan saudara lelaki mendapat 3/4. Perincian penyelesaian *al-munasakhah* ini adalah seperti jadual (3).

Jadual 3: Kes *al-Munasakhah* (ii) Mazhab Syafie

Kematian 1			Kematian 2			Tashih Kedua-dua Kes
Waris-waris	Penyelesaian <i>Farā'id</i>		Waris-waris	Penyelesaian <i>Farā'id</i>		
	Kadar <i>fardu</i>	Saham		Kadar <i>fardu</i>	Saham	
Suami	1/4	1/4	bahagian ini dikekalkan		1/4	
Anak lelaki	<i>asabah</i>	3/4	Meninggal dunia dan mewarisi saham 3/4			
Anak lelaki			Saudara lelaki	<i>asabah</i>	1/1	3/4
Jumlah		4/4	Jumlah		1/1	4/4

Contoh situasi III ialah seorang lelaki meninggal dunia dan meninggalkan waris iaitu dua orang nenek, seorang saudara perempuan sebapa, seorang saudara perempuan seibu, dan seorang saudara perempuan seibu sebapa. Sebelum agihan pusaka selesai, saudara perempuan seibu tersebut meninggal dunia dan meninggalkan waris iaitu ibu kepada ibu (salah seorang daripada nenek dalam kes pertama), saudara perempuan seibu iaitu saudara seibu sebapa dalam kes pertama dan dua orang saudara perempuan seibu sebapa (Shihab al-Din al-Ramliyy. 1404H/1984M: 6/39).

Dalam kes ini, waris si mati kedua dan pertama adalah berbeza iaitu berlaku pertambahan waris yang mempunyai hubungan dengan si mati kedua dan sebahagian waris mewarisi daripada kedua-dua hubungan tersebut. Asal masalah bagi kes kematian pertama ialah dua belas. Nenek mendapat 1/6 (menyamai 2/12 iaitu 1/12 seorang), saudara perempuan seibu sebapa mendapat 1/2 (menyamai 6/12), saudara perempuan sebapa mendapat 1/6 (menyamai 2/12) dan saudara perempuan seibu mendapat 1/6 (menyamai 2/12). Asal masalah bagi kes kematian kedua pula ialah enam bahagian. Ibu kepada ibu mendapat 1/6, saudara perempuan seibu mendapat 1/6, dan saudara perempuan seibu sebapa mendapat 2/3 (menyamai 4/6 iaitu 2/6 seorang).

Namun begitu, asal masalah bagi kes kematian kedua iaitu 6 tidak sepadan dengan bahagian yang diwarisi si mati kedua iaitu 2 bahagian. Asal masalah bagi kes kematian kedua iaitu 6 boleh dibahagikan dengan angka 2 iaitu bahagian si mati daripada kes yang pertama dan

menghasilkan angka 3. Angka tersebut perlu didarabkan dengan kesemua bahagian kes kematian pertama untuk menghasilkan nilai penyama (*al-jami'ah*) yang baharu iaitu 36. Oleh itu, nenek (ibu kepada bapa) mendapat 3/36, nenek (ibu kepada ibu) mendapat 4/36, saudara perempuan seibu (iaitu saudara perempuan seibu sebapa dalam kes pertama) mendapat 19/36, saudara perempuan sebapa mendapat 6/36, saudara perempuan seibu sebapa mendapat 4/36 (menyamai 2/36 seorang). Perincian penyelesaian *al-munasakhah* ini adalah seperti jadual (4).

Bagi kes faraid berangkai yang direkodkan terdapat tiga kematian ialah kes seorang lelaki meninggal dunia dan meninggalkan waris iaitu isteri, ibu, saudara perempuan seibu, saudara perempuan seibu sebapa dan saudara perempuan sebapa. Sebelum agihan pusaka selesai, ibu turut meninggal dunia dan meninggalkan waris iaitu suami, bapa saudara dan dua orang anak perempuan. Anak perempuan tersebut adalah waris yang sama dalam kes pertama iaitu saudara perempuan seibu sebapa dan saudara perempuan seibu. Selepas itu, saudara perempuan sebapa pula meninggal dunia dan meninggalkan waris iaitu suami, ibu, anak perempuan, dan saudara perempuan sebapa. Saudara perempuan sebapa adalah waris yang sama dalam kes pertama iaitu saudara perempuan seibu sebapa (Al-Ghazaliyy. 1417H: 4/393).

Dalam kes ini, waris si mati ketiga, kedua dan pertama adalah berbeza iaitu berlaku pertambahan waris yang mempunyai hubungan dengan si mati kedua dan ketiga. Sebahagian waris mewarisi daripada ketiga-tiga hubungan



Penyelesaian Kes Faraid Berangkai Melalui Pendekatan *Al-Munasakhah*

iaitu si mati pertama, kedua dan ketiga. Asal masalah bagi kes kematian pertama melibatkan *al-awl* iaitu pertambahan asal masalah daripada 12 kepada 15. Isteri mendapat  $1/4$  (menyamai  $3/15$ ), ibu mendapat  $1/6$  (menyamai  $2/15$ ), saudara perempuan seibu sebapa mendapat  $1/2$  (menyamai  $6/15$ ), saudara perempuan sebapa dan saudara perempuan seibu masing-masing

mendapat  $1/6$  (menyamai  $2/15$ ). Asal masalah bagi kes kematian kedua pula ialah 12 bahagian. Anak perempuan iaitu saudara perempuan seibu sebapa dan saudara perempuan seibu dalam kes pertama mendapat  $2/3$  (menyamai  $8/12$ ), suami mendapat  $1/4$  (menyamai  $3/12$ ) dan bapa saudara mendapat faraid secara *‘asabah bi al-nafs* iaitu  $1/12$ .

Jadual 4: Kes *al-Munasakhah* (iii) Mazhab Syafie

Waris-waris	Kematian 1			Waris-waris	Kematian 2		Tashīh Kedua-dua Kes	
	Penyelesaian <i>Farā'id</i>				Penyelesaian <i>Farā'id</i>			
	Kadar <i>fardu</i>	Saham	Tashīh		Kadar <i>fardu</i>	Saham		
2 nenek	$1/6$	$2/12$	$1/12$	Ibu kepada bapa	Bahagian ini diselaraskan dengan mendarab dengan 3		$1 \times 3 = 3$	$3/36$
			$1/12$	Ibu kepada ibu	$1/6$	$1/6$	$(1 \times 3) + 1 = 4$	$4/36$
Saudara perempuan seibu sebapa	$1/2$	$6/12$	$6/12$	Saudara perempuan seibu	$1/6$	$1/6$	$(6 \times 3) + 1 = 19$	$19/36$
Saudara perempuan sebapa	$1/6$	$2/12$	$2/12$	Bukan waris kepada si mati kedua dan bahagian ini diselaraskan dengan mendarab dengan 3			$2 \times 3 = 6$	$6/36$
Saudara perempuan seibu				Meninggal dunia dan mewarisi saham $2/12 = 6/36$				
	$1/6$	$2/12$	$2/12$	2 saudara perempuan seibu sebapa	$2/3$	$4/6$	Bahagian ini dkekalkan	$2/36$ $2/36$
Jumlah		$12/12$	$12/12$	Jumlah		$6/6$	$12 \times 3 = 36$	$36/36$

Perbandingan antara dua kes pertama iaitu si mati pertama dan si mati kedua mendapati asal masalah bagi kes kedua iaitu 12 dapat dibahagikan dengan angka 2 iaitu bahagian faraid yang diwarisi oleh ibu yang meninggal dunia. Oleh itu, angka 6 iaitu hasil bahagi tersebut didarabkan kepada semua bahagian dalam kes kematian pertama. Oleh yang demikian, asal masalah bagi dua kes pertama ialah 90. Isteri mendapat  $18/90$ , saudara perempuan sebapa mendapat  $12/90$ , saudara perempuan seibu sebapa dan juga merupakan anak perempuan kepada si mati kedua mendapat  $40/90$ , saudara perempuan seibu dan juga merupakan anak perempuan si mati kedua

mendapat  $16/90$ , suami si mati kedua mendapat  $3/90$  dan bapa saudara si mati kedua mendapat  $1/90$ .

Asal masalah bagi kes kematian ketiga pula ialah 12 bahagian. Saudara perempuan sebapa iaitu saudara perempuan seibu sebapa dalam kes pertama mendapat faraid secara *‘asabah ma‘a al-ghayr* (menyamai  $1/12$ ), suami mendapat  $1/4$  (menyamai  $3/12$ ), ibu mendapat  $1/6$  (menyamai  $2/12$ ) dan anak perempuan mendapat  $1/2$  (menyamai  $6/12$ ). Seterusnya kes kematian kedua akan dibandingkan dengan kes kematian ketiga dan didapati ada persamaan antara bahagian waris si mati ketiga dengan bahagian

yang diwarisi oleh si mati tersebut iaitu 12 bahagian. Oleh itu, nilai penyama (*al-jami'ah*) bagi keseluruhan kes ialah sebanyak 90 bahagian. Isteri si mati pertama mendapat 18/90, saudara perempuan seibu sebapa dan juga merupakan anak perempuan kepada si mati kedua dan saudara perempuan sebapa kepada si mati ketiga mendapat 41/90, saudara perempuan seibu dan juga merupakan anak perempuan kepada si mati kedua mendapat 16/90, suami kepada si mati kedua mendapat 3/90, bapa saudara kepada si mati kedua mendapat 1/90, suami kepada si mati ketiga mendapat 3/90, ibu kepada si mati ketiga mendapat 2/90 dan anak perempuan kepada si mati ketiga mendapat 6/90. Perincian penyelesaian *al-munasakhah* ini adalah seperti jadual (5).

Manakala kes yang merekodkan empat kematian pula ialah seorang lelaki meninggal dunia dan meninggalkan waris iaitu isteri, anak lelaki, anak perempuan dan saudara lelaki sebapa. Sebelum agihan pusaka selesai, anak lelaki tersebut meninggal dunia dan meninggalkan waris iaitu ibu, saudara perempuan dan bapa saudara. Waris tersebut adalah waris yang sama dengan waris si mati pertama. Selepas itu, anak perempuan tersebut pula meninggal dunia dan meninggalkan waris iaitu suami, anak perempuan dan waris-waris terdahulu iaitu ibu dan bapa saudara. Kemudian, isteri tersebut pula meninggal dunia dan meninggalkan waris iaitu suami dan saudara lelaki (Al-Ghazaliyy. 1417H: 4/395).

Asal masalah bagi kes kematian pertama ialah 24 bahagian. Isteri mendapat 1/8 (menyamai 3/24), anak lelaki dan anak perempuan mendapat faraid secara *'asabah bi al-ghayr* iaitu sebanyak 7/8. Anak lelaki mendapat 14/24 dan anak perempuan mendapat 7/24. Saudara lelaki sebapa pula terhalang daripada mendapat faraid kerana wujudnya anak lelaki si mati. Asal masalah bagi kes kematian kedua pula ialah 6 bahagian. Ibu iaitu isteri dalam kes kematian pertama mendapat 1/3 (menyamai 2/6), saudara perempuan iaitu anak perempuan dalam kes pertama mendapat 1/2 (menyamai 3/6), dan bapa saudara iaitu saudara lelaki dalam kes pertama mendapat baki iaitu 1/6. Waris si mati kedua adalah waris yang sama dengan waris si mati pertama tetapi

kedudukan perhubungan dengan si mati adalah berbeza.

Perbandingan antara dua kes pertama iaitu si mati pertama dan si mati kedua mendapati asal masalah bagi kes kedua iaitu 6 tidak serupa atau sepadan dengan bahagian yang diwarisi si mati kedua iaitu 14. Namun kedua-dua nombor tersebut boleh dibahagikan dengan angka dua. Hasil bahagi dengan angka 2 hendaklah didarab ke bahagian yang bertentangan iaitu kes kematian pertama akan didarab dengan 3 iaitu hasil bahagi 6 dengan angka 2. Manakala semua bahagian dalam kes kematian kedua akan didarabkan dengan angka 7 iaitu hasil bahagi 14 dengan 2. Nilai penyama (*al-jami'ah*) baharu antara kes pertama dan kes kedua ialah 72. Ibu mendapat 23/72, saudara perempuan mendapat 42/72 dan bapa saudara mendapat 7/72.

Asal masalah bagi kes kematian ketiga pula ialah 12 bahagian. Ibu mendapat 1/6 (menyamai 2/12), bapa saudara mendapat faraid secara *'asabah bi al-nafs* iaitu 1/12, suami mendapat 1/4 (menyamai 3/12) dan anak perempuan mendapat 1/2 (menyamai 6/12). Seterusnya kes kematian kedua akan dibandingkan dengan kes kematian ketiga dan mendapati bahawa bahagian faraid yang diwarisi oleh si mati ke tiga iaitu 42 tidak serupa dengan asal masalah bagi kes ketiga iaitu 12. Tetapi kedua-dua nombor tersebut boleh dibahagikan dengan 6 dan hasilnya akan didarabkan bersilang antara satu dengan yang lain. Bahagian *tashih* kes pertama dan kedua akan didarab dengan angka 2 dan bahagian kes ketiga akan didarab dengan angka 7. Nilai penyama (*al-jami'ah*) baharu antara ketiga-tiga kes ialah 144 bahagian. Ibu mendapat 60/144, bapa saudara mendapat 21/144, suami si mati ketiga mendapat 21/144 dan anak perempuan si mati ketiga mendapat 42/144.

Asal masalah bagi kes kematian keempat pula ialah 2 bahagian. Suami mendapat 1/2 dan saudara lelaki mendapat faraid secara *'asabah bi al-nafs* iaitu 1/2. Oleh yang demikian, kes kematian ketiga akan dibandingkan dengan kes kematian keempat dan mendapati bahawa bahagian faraid yang diwarisi oleh si mati keempat iaitu 60 bahagian dapat dibahagikan dengan asal masalah bagi kes kematian keempat

iaitu 2. Oleh itu, bahagian sebanyak 30 dapat dibahagikan secara sempurna kepada kedua-dua waris si mati keempat. Nilai penyama (*al-jami'ah*) bagi keseluruhan kes adalah sama iaitu sebanyak 144 bahagian. Bapa saudara (waris tunggal si mati pertama) mendapat 21/144, suami kepada si mati ketiga mendapat 21/144, anak

perempuan kepada si mati ketiga mendapat 42/144, suami kepada si mati keempat mendapat 30/144 dan saudara lelaki kepada si mati keempat mendapat 30/144. Perincian penyelesaian *al-munasakhah* ini adalah seperti jadual (6).

### Kesimpulan

Pada prinsipnya cara menyelesaikan kes faraid berangkai tidak jauh berbeza dengan pengiraan faraid apabila berlaku satu kematian sahaja. Bezanya ialah terdapat beberapa kes kematian menyebabkan ianya menjadi berangkai dan memerlukan penyelesaian dibuat secara serentak. Realitinya, situasi kes faraid berangkai akan berbeza-beza dalam sesebuah keluarga kerana faktor pertambahan waris dan cara warisan yang menghubungkan susur galur keluarga dengan si mati. Pendekatan *al-munasakhah* ialah

berasaskan *tashih* (penyelarasan pecahan) bagi setiap kes faraid berangkai yang wujud. Penyelesaian kes faraid pertama dilakukan terlebih dahulu dan seterusnya diikuti dengan kes yang terkemudian. Setelah itu perbandingan antara dua kes dibuat bagi memperolehi nilai penyama (*al-jami'ah*). Pengiraan dalam kes faraid berangkai dapat ditangani melalui tiga pendekatan dalam *al-munasakhah* iaitu *al-mumathalah* (bersamaan), *al-muwafaqah* (bersepakat) dan *al-mubayanah* (berlainan).

### Rujukan

- Al-Baghawiy, Abu Muhammad Al-Husayn ibn Mas'ud. (1418H/1997M). *Al-Tahdhib fi fiqh al-Madhhab al-Shafi'iy*. Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Arabiyyah.
- Al-Dusuqiyy, Muhammad ibn Ahmad. (t.thn). *Hashiyyah al-Dusuqiyy 'ala al-Sharh al-Kabir*. t.tp: Dar al-Fir.
- Al-Ghazaliyy, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. (1417H). *Al-Wasit fi al-Madhhab*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Juwayniyy, <sup>c</sup>Abd al-Malik ibn Abdullah, (1428H/2007M). *Nihayat al-Matlab fi Dirayat al-Madhhab*. t.tp: Dar al-Minhaj.
- Al-Musiliyy al-Baldahiyy, Abdullah ibn Mahmud. (1356H/1937M). *Al-Ikhtiyar li Ta'lil al-Mukhtar*. Kaherah: Matba<sup>c</sup>ah al-Halabiyy.
- Al-Sābūniyy, Muhammad <sup>c</sup>Aliyy. (1413H/1993M). *Al-Mawārīth Fī al-Sharā'ih al-Islāmiyyah*. Damshiq: Dār al-Qalam.
- Al-Sharahiliyy, <sup>c</sup>Aliyy ibn Nashib. (1431H). *Sana al-Barq al-<sup>c</sup>Arid fi Sharh al-Nur al-Fa'id*. t.tp: t.pt. <http://www.alinasheb.com/news.php?action=show&id=28>. 30 Mei 2016.
- Ibrāhīm ibn <sup>c</sup>Abdillah. (t.th). *Al-<sup>c</sup>Adhb al-Fā'id Sharh <sup>c</sup>Umdat al-Fārid*. t.tp.: t.pt.
- Jabatan Bantuan Guaman. 2013. *Panduan permohonan tuntutan pembahagian harta pusaka kecil* (pamphlet).
- Sabt al-Mardiniyy, Muhammad ibn Muhammad. (1414H/1994M). *Al-Rahabiyyah fi 'Ilm al-Fara'id*. Damshiq: Dār al-Qalam.
- Shihab al-Din al-Ramliyy, Muhammad ibn Ahmad. (1404H/1984M). *Nihayat al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.

Jadual 5: Kes *al-Munasakhah* (iv) Mazhab Syafie

Kematian 1				Kematian 2			Kematian 3			Tashīh Keseluruhan		
Waris-warīs	Penyelesaian <i>Farā'id</i>			Waris-warīs	Penyelesaian <i>Farā'id</i>		Tashīh Kedua-dua Kes	Waris-warīs	Penyelesaian <i>Farā'id</i>			
	Kadar <i>fardu</i>	Saham	Tashīh ( <i>'awl</i> )		Kadar <i>fardu</i>	Saham			Kadar <i>fardu</i>	Saham		
Isteri	1/4	3/12	3/15	Bahagian ini diselaraskan dengan mendarab 6			3x6= 18	18/90	Bahagian ini dikekalkan		18/90	
Ibu	1/6	2/12	2/15	Meninggal dunia dan mewarisi saham 2/15 = 12/90								
				Suami	1/4	3/12	Bahagian ini	3/90			3/90	
				Bapa saudara	<i>'asabah</i>	1/12	dikekalkan	1/90			1/90	
Saudara perempuan seibu	1/6	2/12	2/15	Anak perempuan			(2x6) + 4= 16	16/90	Bahagian ini dikekalkan		16/90	
Saudara perempuan sebapa	1/2	6/12	6/15	Anak perempuan	2/3	8/12 (4/12 seorang)	(6x6) + 4= 40	40/90	Saudara perempuan sebapa	<i>'asabah</i>	1/12	41/90
Saudara perempuan sebapa	1/6	2/12	2/15	Tiada bahagian daripada si mati kedua dan bahagian ini diselaraskan dengan mendarab 6			2x6 = 12	12/90	Meninggal dunia dan mewarisi saham 12/90			
									Suami	1/4	3/12	3/90
									Ibu	1/6	2/12	2/90
									Anak perempuan	1/2	6/12	6/90
Jumlah		15/12	15/15	Jumlah		12/12	15x6=90	90/90	Jumlah		12/12	90/90

Jadual 6: Kes *al-Munasakhah* (v) Mazhab Syafie

Waris-warīs	Kematian 1		Kematian 2		Tashīh Kedua-dua Kes	Kematian 3		Tashīh Kedua-dua Kes	Kematian 4		Tashīh Kedua-dua Kes
	Penyelesaian <i>Farā'id</i>		Waris-warīs	Penyelesaian <i>Farā'id</i>		Waris-warīs	Penyelesaian <i>Farā'id</i>		Waris-warīs	Penyelesaian <i>Farā'id</i>	

Penyelesaian Kes Faraid Berangkai Melalui Pendekatan *Al-Munasakhah*

	Kadar fardu	Saham	Tashīh		Kadar fardu	Saham			Kadar fardu	Saham			Kadar fardu	Saham				
Isteri	1/8	1/8	3/24	Ibu	1/3	2/6	(3x3) + (2x7) = 17	23/72	Ibu	1/6	2/12	(23x2) + (2x7)= 60	60/144	Meninggal dunia dan mewarisi	60/144			
														Suami	1/2	1/2	30/144	
														Saudara lelaki	<i>‘asabah</i>	1/2	30/144	
Anak lelaki			14/24	Meninggal dunia dan mewarisi 14/24 = 42/72														
Anak perempuan	<i>‘asabah</i>	7/8	7/24	Saudara perempuan	1/2	3/6	(7x3) + (3x7) = 42	42/72	Meninggal dunia dan mewarisi 42/72 = 84/144									
									Suami	1/4	3/12	3x7= 21	21/144	Bahagian ini dikekalkan		21/144		
									Anak perempuan	1/2	6/12	6x7= 42	42/144	Bahagian ini dikekalkan		42/144		
Saudara lelaki sebapa		Terhalang ( <i>hajb</i> )		Bapa saudara	<i>‘asabah</i>	1/6	1x7= 7	7/72	Bapa saudara	<i>‘asabah</i>	1/12	(7x2) + (1x7)= 21	21/144	Bahagian ini dikekalkan		21/144		
Jumlah		8/8	24/24	Jumlah		6/6	24x3= 72	72/72	Jumlah		12/12	72x2= 144	144/144	Jumlah		2/2	144/144	